

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA PROF. DATUK DR. KAMARUZAMAN HJ AMPON
NAIB CANSELOR UMS**

**SEMPENA
“THE CROSSROAD OF HARM REDUCTION AND DEMAND REDUCTION
SEMINAR 2008”**

20 OKTOBER 2008, PACIFIC SUTERA HOTEL

**Bismillahir Rahmannir Rahim
Assalamulaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,
Terima Kasih kepada Pengerusi Majlis,**

**Yang Berhormat Datuk Dr. Yee Moh Chai,
Menteri Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat
Selaku wakil kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah**

**Yang Berbahagia Dato' Abd. Bakir bin Hj Zin
Ketua Pengarah
Agenzia Anti Dadah Kebangsaan**

Pegawai-Pegawai Utama Universiti Malaysia Sabah

**Yang Berusaha Profesor Dr. Md. Shuaib Che Din
Dekan Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial
Universiti Malaysia Sabah**

**Yang Berusaha Profesor Mahmood Nazar Mohamed
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Agenzia Anti Dadah Kebangsaan**

Datuk-Datuk, Datin-Datin,

Para pembentang kertas kerja dan peserta-peserta seminar,

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati Sekalian

Alhamdulillah bersyukur saya kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNya dapatlah kita sama-sama berkumpul pada hari ini dalam suasana

yang harmonis. Pertama sekali saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Dr Yee Moh Chai, Menteri Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat di atas kesudian meluangkan masa untuk hadir bagi menyempurnakan majlis perasmian seminar ini bagi pihak YAB Ketua Menteri Sabah.

Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada para pembentang kertas kerja dan para peserta ke Universiti Malaysia Sabah bagi menghadiri Seminar *The Crossroad of Harm Reduction and Demand Reduction Seminar* yang dianjurkan oleh Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial, (UMS) dengan kerjasama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).

Ucapan syabas dan tahniah juga kepada pihak penganjur dan ahli jawatankuasa seminar kerana dapat mengendalikan seminar ini dengan jayanya.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

Objektif utama seminar ini diadakan ialah untuk memberikan kefahaman dan pengetahuan kepada para peserta tentang program ***harm reduction*** dan ***demand reduction***. Selain itu seminar ini juga memberikan kemahiran kepada para peserta dalam mengendalikan isu tersebut dan kepentingan pendekatan yang bersesuaian dalam usaha mengatasi masalah penyalahgunaan dadah.

Seminar '*The Crossroad of Harm Reduction and Demand Reduction*' pada kali ini sesungguhnya amat penting kerana merupakan salah satu cara untuk mencapai sasaran kerajaan untuk menjadikan Malaysia bebas dadah menjelang 2015. Pihak Universiti Malaysia Sabah akan sentiasa mengambil berat berkenaan isu penyalahgunaan dadah. Kita juga telah mengadakan program SPADA pada peringkat pengajian Pascasiswa dengan tujuan memberi pendedahan kepada pelajar bagi melengkapkan diri dengan kepakaran dalam bidang penyalahgunaan dadah.

Selain itu, Universiti Malaysia Sabah juga sentiasa bekerjasama dengan organisasi luar seperti AADK, PEMADAM, PUSPA, Jabatan Penjara, dan NGOs yang terlibat secara langsung dalam rawatan dan pemulihan dadah. Kerjasama yang dilaksanakan ini diharapkan dapat mencari pelbagai pendekatan yang sesuai untuk mengatasi masalah penyalahgunaan dadah.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada pihak pengajur dan ahli jawatankuasa yang telah bertungkus lumus dalam menjayakan seminar ini dan saya berharap agar usaha sebegini akan diteruskan pada masa akan datang dalam usaha membebaskan Malaysia daripada ancaman dadah dan melahirkan masyarakat yang sihat dan berkualiti demi masa depan negara kita yang tercinta ini.

Sekian dan terima kasih.